

Headline Pendidikan seks di kem PLKN
Date 13 Jan 2011
MediaTitle Kosmo
Section Negara
Journalist N/A
Frequency Daily
Circ / Read 115,967 / 406,000

Language Malay
Page No 11
Article Size 241 cm²
Color Full Color
ADValue 2,095
PRValue 6,286



Pandangan pelbagai pihak diambil kira sebelum dilaksanakan Pendidikan seks di kem PLKN

Oleh ROSLI HASSAN
rosli.hassan@kosmo.com.my

MELAKA – Modul pendidikan seks atau Pendidikan Kesihatan Reprodaktif dan Sosial (PKRS) memerlukan lebih masa sebelum dapat diterapkan ke dalam Program Latihan Khidmat Negara (PLKN).

Pengerusi Majlis Latihan Khidmat Negara (MLKN), Datuk Dr. Tiki Lafe berkata, pihaknya perlu mengambil kira pandangan pelbagai pihak berhubung perkara itu walaupun pada dasarnya MLKN sudah memutuskan menerima cadangan berkenaan.

Menurutnya, adalah perlu bagi masyarakat diberi kefahaman yang jelas tentang modul PKRS sebelum ia diperkenalkan di kem PLKN kelak.

“Masih ada sebahagian masyarakat yang melihat pelaksanaan modul PKRS ini tidak sesuai dan oleh itu kita harus memberi pemahaman kepada

umum bahawa modul ini tidak semata-mata mengenai seks tetapi lebih kepada aspek kesihatan tubuh badan,” katanya selepas mengadakan lawatan kerja ke Kem PLKN Hutan Rekreasi Ayer Keroh di sini semalam.

Tiki berkata, pelaksanaan PKRS perlu kerana ia akan dapat membantu kerajaan menangani bahaya gejala sosial yang berlaku dalam masyarakat.

“Pengajaran modul ini bukan kerja mudah kerana kita memerlukan tenaga pengajar yang benar-benar cepak demi memastikan PKRS dapat disampaikan dengan baik kepada pelatih,” katanya.

Menurutnya, pelaksanaan pendidikan seks dalam PLKN juga bukan perkara baru memandangkan pada masa ini ia turut dimasukkan ke dalam pendidikan HIV dan AIDS.

“Cuma kita mahu pendidikan seks ini diasingkan dan diletakkan di bawah modulnya sendiri,” katanya.



TIKI (bertopi) bergambar bersama para pelatih ketika mengadakan lawatan kerja ke Kem PLKN Hutan Rekreasi Ayer Keroh, Melaka semalam.